

For Health  
For Excellence



## جباتن بليا دان سوكن

JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



كومفليكس سوكن براكس

KOMPLEKS SUKAN BERAKAS  
BERAKAS SPORTS COMPLEX



Padang Bolasepak • *Football Field*

## KOMPLEKS SUKAN BERAKAS

### *Pengenalan*

- Kompleks Sukan Berakas mula di bina secara berperingkat-peringkat. Padang Permainan Bolasepak pada tahun 1982, Empat Menara Lampu limpah pada tahun 1986, Gelanggang Tenis pada tahun 1987 dan Pembesaran Bangunan Kompleks Sukan ini pada tahun 1994.
- Lokasi : Jalan Berakas, berdekatan dengan Minyak Shell TAIB.



Grandstand untuk VIP • *VIP Grandstand*

## Kemudahan-Kemudahan

- 2 buah Padang Bolasepak
- Trek 400 Meter dengan mempunyai 8 lorong
- 3 Gelanggang Tenis jenis keras (Hard Court)
- 2 Gelanggang Bowling Padang
- Grandstand menempatkan 1000 orang dan 20 untuk VIP
- Bilik VIP
- Bilik mesyuarat untuk 30 orang
- Bilik persalinan lelaki dan perempuan
- Surau
- Empat Menara Lampu limpah



Gelanggang Tenis jenis keras • *Tennis Hard Court*



Bowling Padang • *Lawn Bowls*



## Padang Bolasepak • *Football Field*

### *Kadar Bayaran*

TABLE 1: CHARGES

JENIS PADANG /GELANGGANG FACILITIES	KADAR BAYARAN CHARGES	WAKTU PENGGUNAAN OPENING HRS.
1A. PADANG BOLASEPAK Perlawanan Bolasepak yang mengenakan Bayaran masuk kepada penonton Football Field (with entrance charges)	\$600.00 Bagi Setiap Satu Perlawanan For each match	-
B. PADANG BOLASEPAK Projek anjuran JBS, samada diselenggarakan oleh Jabatan Belia dan Sukan atau mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan. Football Field (JBS Project)	PERCUMA FREE	SIANG MORNING
	PERCUMA FREE	MALAM EVENING
C. PADANG BOLASEPAK Kadar bayaran keatas lain-lain penggunaan bagi setiap satu perlawanan Football Field	\$50.00	SIANG MORNING
	\$150.00	MALAM EVENING
D. PADANG BOLASEPAK Kadar bayaran bagi perlawanan Bolasepak 5, 7 dan 9 orang sepasukan Football Field (5,7,9 a side)	\$150.00	Dari Jam 7.00 Pagi Hingga 6.00 Petang atau sebahagian daripadanya. 0700 hrs - 1800hrs
	\$200.00	Dari Jam 7.00 Malam Hingga 11.00 Malam atau sebahagian daripadanya. 1900 hrs - 2300 hrs
2A. BALAPAN DAN PADANG Projek anjuran JBS, semasa diselenggarakan oleh Jabatan Belia dan Sukan atau mana-mana pihak yang dipertanggungjawabkan. Track and Field (JBS Project)	PERCUMA FREE	SIANG MORNING
	PERCUMA FREE	MALAM EVENING
B. BALAPAN DAN PADANG Kadar bayaran ke atas lain-lain penggunaan bagi setiap satu kejohanan Track and Field (Other use)	\$100.00	SIANG MORNING
	\$200.00	MALAM EVENING
C. GELANGGANG TENNIS Gelanggang Keras Tennis Hard Court	\$4.00 Sejam 1 Gelanggang 1 court B\$4.00 per hour	8.00 Pagi Hingga 6.00 Petang 0800 - 1800 hrs
	\$6.00 Sejam 1 Gelanggang 1 court B\$6.00 per hour	6.00 Petang Hingga 10.00 Mlm 1800 - 2200 hrs
D. GELANGGANG BOWLING PADANG Lawn Bowls	\$1.00 Sejam 1 Gelanggang 1 court B\$1.00 per hour	8.00 Pagi Hingga 6.00 Petang 0800 - 1800 hrs

# Waktu Di Buka

TABLE 2: OPENING HOURS

TEMPAT FACILITIES	WAKTU DIBUKA OPENING HRS.	HARI DAYS
Padang Bolasepak dan Trek Balapan Track & Field	Setiap hari Daily	7.00 Pagi - 11.00 Malam 0700 - 2300 hrs.
Penggunaan Trek orang ramai secara terbuka (Beriadah). Tertakluk tidak ada penempahan dibuat. Track for public	Setiap hari Daily	7.00 Pagi - 6.30 Petang 0700 - 1830 hrs.
Gelanggang Tenis Tennis Court	Setiap hari Daily	8.00 Pagi - 10.00 Malam 0800 - 2200 hrs.

**DITUTUP:**

- Pada Hari Kelepasan Awam termasuk Hari Keputeraan, Hari Kebangsaan, Keagamaan dan Bulan Ramadhan.
- Hari Khamis ditutup jam 5.00 Petang
- Hari Jumaat jam 10.00 Pagi hingga 2.00 Petang
- Ditutup bila-bila masa saja jika keadaan padang permainan tidak mengizinkan (becak.)

**CLOSURE:**

- The complex is closed to public during Public Holidays such as Ramadhan Month, National Day and during bad weather.
- Closed on Thursday, 1700 hrs.
- Closed on Friday, 1000 to 1400 hrs.



Bilik Mesyuarat • Meeting Room



Bilik VIP • VIP Lounge

## Syarat Penggunaan

- Penempahan bagi Padang Bolasepak akan dibukakan pada setiap 20 haribulan jam 7.45 pagi dipusat penempahan padang bolasepak Jabatan Belia dan Sukan di Kompleks Sukan Menglait.
- Setiap penempahan hendaklah datang sendiri ke pusat penempahan dan tempahan menerusi telefon tidak akan di layan. Setiap penempahan hanya dibenarkan sekali dalam sebulan.
- Bagi penempahan Trek / Balapan untuk acara sukan atau sebarang kejohanan Bolasepak hendaklah terlebih dahulu menulis surat secara rasmi kepada Pengarah Belia dan Sukan bagi mendapatkan surat kebenaran sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum acara dijalankan dan tertakluk kepada kekosongan.
- Bagi penempahan Gelanggang Tenis bolehlah terus membuat tempahan sewaktu masa pejabat bertempat di bilik pentadbiran Kompleks Sukan Berakas.

## Peraturan

- Penggunaan padang Bolasepak adalah tertakluk kepada kekosongan dan budibicara Jabatan ini. Kebenaran yang diberikan adalah sementara dan akan ditangguhkan pada bila-bila masa jika padang yang telah di peruntukan tersebut diperlukan oleh Jabatan ini dan sebarang kejohanaan/penggunaan resmi atau bagi kerja-kerja pemeliharaan.
- Pihak pengguna tidak dibenarkan untuk meminjamkan padang yang diperuntukan kepada pihak-pihak lain. Sebarang pembatalan / penangguhan atau jika tarikh penggunaan yang telah diberikan tidak lagi dikehendaki hendaklah memaklumkan kepada Pengawas Kompleks.
- Penggunaan Padang adalah tertakluk kepada keadaan cuaca dimana jika padang tersebut didapati becak atau hujan lebat sebelum atau semasa perlawanan. Pihak pengguna mestilah memberikan kerjasama untuk tidak menggunakan Padang berkenaan. Bagi yang membuat tempahan akan diganti ke satu tarikh yang lain.

- Pihak pengguna akan bertanggungjawab bagi memastikan keselamatan keseluruhan hartabenda dan kemudahan yang diperbantukan dan sebarang kerosakkan yang berlaku di tempat yang digunakan adalah tanggungjawab pengguna untuk mengganti atau membaikinya.
- Pihak pengguna adalah dipertanggungjawabkan untuk mengemas memindah segera perkakas / barang yang digunakan sebaik sahaja selesai penggunaan.
- Pihak Pengguna akan bertanggungjawab untuk membersihkan sekitar kawasan tempat yang digunakan termasuk sampah sarap dan bekas minuman sebaik sahaja selesai penggunaan. Jika gagal sebarang tuntutan (bayaran) bagi kerja-kerja pembersihan akan dikenakan kepada pengguna.
- Sebarang aktiviti berjual atau berjaja didalam kawasan kompleks adalah ditegah dan tidak dibenarkan.
- Pihak Jabatan tidak akan bertanggungjawab keatas tuntutan ganti rugi kemalangan / kecederaan dan kehilangan hartabenda individu disepanjang waktu penggunaan.
- Pihak pengguna jua akan bersedia membayar sebarang tuntutan kerja lebih masa yang melibatkan Pegawai / Kakitangan Jabatan ini yang bertugas selepas waktu Pejabat / Hari Kelepasan Awam.
- Bayaran bagi tempahan hendaklah dijelaskan seminggu sebelum tarikh penggunaan dan waktu pembayaran ialah jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Dan apabila gagal menjelaskan pembayaran maka tempahan tersebut adalah dibatalkan dan akan diberikan kepada penempah yang lain.
- Setiap pembayaran mestilah wang tunai. Cek peribadi dan sebagainya tidak akan diterima. Pembayaran hendaklah dijelaskan di Kompleks Sukan Berakas.
- Setiap Pengguna hendaklah menunjukkan surat kebenaran atau resit pembayaran dari Jabatan ini pada tiap-tiap kali penggunaan diadakan kepada pegawai dan penjaga yang bertugas.
- Jika pihak pengguna didapati tidak mematuhi syarat syarat yang tersebut diatas maka Jabatan ini tidak akan ragu-ragu untuk menarik balik/membatalkan kebenaran yang telah diberikan.
- Jabatan ini berhak menambah mana-mana syarat yang

# Maklumat Lanjut

Sila Hubungi :

**PENGURUS**

**Kompleks Sukan Berakas**


**Jabatan Belia dan Sukan**

**Negara Brunei Darussalam BB3513**

**Tel : 02-330992**

## Lokasi Kompleks Sukan Berakas

MAP LOCATION



## Terima Kasih

THANK YOU



No  
Pets



No  
Littering



No  
Smoking



No  
Chewing  
Gum